

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)16

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

16. Nyatakan jumlah duit tawakuf yang tidak dibelanjakan sehingga tahun 2023.
- (a) Senaraikan perbelanjaan dari tahun 2018 hingga kini serta perancangan MAINPP untuk menggunakan duit tawakuf ini.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Jumlah dana tawaquf atau lebihan wang zakat yang tidak dibelanjakan terkumpul sehingga tahun 2024 adalah berjumlah RM123,104,140.70.
- (a) Senarai perbelanjaan tawaquf hingga Mei 2024 meliputi perbelanjaan bagi Elaun Tambahan Guru Kafa, Bantuan Khas Covid-19, Naik taraf Pusat Haemodialisis Zakat (PHZ) Tasek Gelugor, Program Tunas Usahawan - SME Corp, Sumbangan Tabung Bantuan Kemanusiaan, Bangunan Asrama Pelajar Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang,

Penang Islamic Digital Library, Seminar Kefatwaan, Program Kafa Menengah, Pentadbiran & Pengurusan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Bantuan Awal Persekolahan, Pangsapuri Asnaf Wakaf Seetee Aisah, naik taraf infrastruktur PULAZA, naik taraf infrastruktur Inapan Kasih Sayang, van Klinik Kesihatan Bergerak, Perabot Sekolah Agama Rakyat, rumah warden Darul Hidayah, sumbangan van jenazah masjid daerah/ negeri, Program Pulau Pinang Mengajar, Program Iltizam Huffaz, pinjaman pembelian tanah MAINPP, van/truck dakwah, pembiayaan pembelian sistem masjid pro masjid dan pembiayaan wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd. Perinciannya seperti di **LAMPIRAN A** yang akan diletakan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

Disamping itu, perancangan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam memanfaatkan dana tawaquf antaranya adalah perbelanjaan pembangunan asrama pelajar Mesir di Kaherah, Pangsapuri Asnaf Wakaf Seetee Aisah, naik taraf infrastruktur Pusat Latihan Zakat, naik taraf infrastruktur Inapan Kasih Sayang, pembelian bas Inapan

Kasih Sayang, naik taraf Pusat Haemodialisis Zakat (PHZ) Tasek Gelugor, pusat pengumpulan dan jualan produk asnaf, pembelian van, pembelian produk asnaf, Tabung Bantuan Kemanusiaan, pembiayaan sistem masjid pro, pembelian hartanah MAINPP, pembiayaan Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd., kuarters Darul Hanan, pembelian tanah Mengkuang Titi, tebus balik tanah di Tanjung Tokong, pembelian tanah di SPS, baik pulih dan Program Pendidikan Al-Mashor, pembinaan dewan bersebelahan Masjid Kampung Rawa dan pembaikan fasiliti bangunan lama asrama pelajar Pulau Pinang di Mesir. Perincian perbelanjaan seperti di **LAMPIRAN B** yang akan diletakan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.